




JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
PENANG ISLAMIC RELIGIOUS AFFAIRS DEPARTMENT

PELAN STRATEGIK JHEAIPP

2021-2025





“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan.”

(Surah al-Hasyr: Ayat 18)



Perutusan

TIMBALAN KETUA MENTERI 1 PULAU PINANG

“JHEAIPP perlu bergerak secara proaktif dan profesional dalam usaha mendepani isu dan cabaran semasa bertepatan dengan Visi Penang2030 yang memberi penekanan kepada pembangunan keluarga merangkumi aspek negeri hijau dan pintar. Visi kerajaan ini disusuli dengan Gagasan Khaira Ummah bertemakan H.E.B.A.T. (Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiah).”

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat r.a.

Saya merakamkan ucapan penghargaan kepada JHEAIPP dan semua pihak yang telah terlibat dalam menghasilkan Pelan Strategik 2021-2025. Semoga Pelan Strategik ini menjadi pemangkin kepada JHEAIPP untuk bekerja lebih cekap dan sistematik sebagaimana maksud ayat al-Quran, surah as-Saff, ayat 4:

“Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berperang dijalan-Nya dalam barisan yang teratur seakan-akan mereka seperti sesuatu bangunan yang tersusun kukuh.”

JHEAIPP perlu bergerak secara proaktif dan profesional dalam usaha mendepani isu dan cabaran semasa bertepatan dengan Visi Penang2030 yang memberi penekanan kepada pembangunan keluarga merangkumi aspek negeri hijau dan pintar. Visi kerajaan ini disusuli dengan Gagasan Khaira Ummah bertemakan H.E.B.A.T. (Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiah).

Semoga Pelan Strategik dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya dan juga memenuhi ekspektasi masyarakat terhadap penyampaian perkhidmatan Jabatan. Saya juga berharap Pelan Strategik 2021-2025 ini mampu memacu JHEAIPP menjadi agensi yang disegani dan sentiasa menjadi rujukan kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

YB. Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin
bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang



Bicara PENGARAH

“Sebanyak tujuh [7] Teras utama telah digariskan dalam usaha memacu gerak kerja JHEAIPP yang bersistematik dan berimpak tinggi. Ia merupakan bukti komitmen Jabatan ke arah melestarikan pengurusan hal ehwal Islam yang dinamik dan seiring dengan perkembangan arus perdana.”

Alhamdulillah, salam dan selawat ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, dengan limpah dan kurnia-Nya diberi kekuatan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi sebagaimana maksud ayat al-Quran, surah al-An'am ayat 165:

“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggalkan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya dia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Pelan Strategik Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (PS JHEAIPP) 2021-2025 merupakan usaha kolektif bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan Jabatan dan meningkatkan syiar Islam di Pulau Pinang.

Sebanyak tujuh [7] Teras utama telah digariskan dalam usaha memacu gerak kerja JHEAIPP yang bersistematik dan berimpak tinggi. Ia merupakan bukti komitmen Jabatan ke arah melestarikan pengurusan hal ehwal Islam yang dinamik dan seiring dengan perkembangan arus perdana.

Saya yakin dan percaya usaha ke arah pemantauan pelaksanaan semua inisiatif yang digariskan di dalam dokumen Pelan Strategik ini, akan dibuat dengan terbaik di samping usaha penambahbaikan secara berterusan.

Akhir kata, saya dengan ini menyeru semua pegawai dan kakitangan JHEAIPP sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau daerah, untuk bersama-sama menggembeling tenaga dan berganding bahu bagi memastikan pelaksanaan Pelan Strategik ini di peringkat Jabatan. Bak kata pepatah bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jawatankuasa Pembangunan Pelan Strategik JHEAIPP 2021 - 2025 dan semua pihak yang telah menyumbang idea dan tenaga dalam membangunkan pelan ini. Semoga amal usaha ini diberkati dan diredhai Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih

Dato' Mohd Zakuan bin Haji Zakaria
Pengarah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
Pulau Pinang (JHEAIPP)



ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENGENALAN	
	1.1 Ringkasan Eksekutif Pelan Strategik JHEAIPP	1
	1.2 Pengenalan & Latar Belakang JHEAIPP	2
	1.3 Struktur dan Organisasi JHEAIPP	5
	1.4 Peta Lokasi Jabatan	6
	1.5 Fungsi JHEAIPP	7
	1.6 Carta Fungsi & Peranan Agensi	
	1.7 Punca Kuasa (Hal Ehwal Islam)	12
	1.8 Punca Kuasa (Pentadbiran)	13
	1.9 Pemegang Taruh Pelanggan	14
BAB 2	HALA TUJU STRATEGIK SENARIO PERSEKITARAN	
	2.1 Visi & Misi	15
	2.2 Moto	16
	2.3 Nilai Bersama	16
BAB 3	PSENARIO PERSEKITARAN	
	3.1 Isu- Isu / Cabaran-Cabaran Kritikal	18
BAB 4	STRATEGI & PELAN TINDAKAN	
	4.1 Teras Strategi & Pelan Tindakan	19
BAB 5	BOOSTER KEJAYAAN	
	5.1 Struktur Tadbir Urus Pelan Strategi JHEAIPP	55
	5.2 Mekanisme Pelaksana dan Pemantauan Pelan Strategik JHEAIPP 2021-2025	56
	5.3 Mekanisma Penilaian Pelan Strategik JHEAIPP	58
	5.4 Elemen Pemacu Kejayaan	58
	5.5 Langkah Ke Hadapan	59
BAB 5	PENUTUP	
	6.1 Penutup	60

BAB 1 PENGENALAN

“Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela Agama-Nya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.”

(Surah al-Saff: Ayat 4)



1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK JHEAIPP

Pelan Strategik Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (PS JHEAIPP) 2021-2025 dibangunkan sebagai kesinambungan daripada PS JHEAIPP 2016-2020. Ia merupakan pernyataan komitmen JHEAIPP ke arah meningkatkan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkesan. PS ini dibangunkan dengan memfokuskan kepada pelaksanaan perancangan yang lebih inklusif berdasarkan matlamat yang lebih jelas.

Dokumentasi PS ini menjadi rujukan utama Jabatan yang mengandungi enam (6) bab seperti berikut:

- Pengenalan;
- Hala tuju strategik;
- Senario persekitaran;
- Strategi dan pelan tindakan;
- *Booster* kecemerlangan; dan
- Penutup.

Sebanyak tujuh [7] Teras telah disenaraikan dan dirancang oleh Jabatan. Teras ini merujuk kepada fungsi setiap bahagian dengan sasaran 28 Strategi dan 72 Inisiatif Strategik. JHEAIPP komited untuk mengambil tindakan pelaksanaan yang proaktif sejajar dengan perancangan yang telah ditetapkan.

Tujuh [7] Teras yang digariskan adalah seperti berikut:

- i. Memperkukuhkan dakwah secara menyeluruh berasaskan Manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah;
- ii. Memperkasakan pengurusan pendidikan yang holistik untuk melahirkan insan yang berdaya saing, berilmu dan berakhlak mulia;
- iii. Memperkasakan tadbir urus institusi masjid dan surau untuk kesejahteraan masyarakat;
- iv. Memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang syariah bagi membangunkan khaira ummah;
- v. Memperkasakan hal ehwal kekeluargaan Islam ke arah mencapai khaira ummah;
- vi. Memperkasakan pengurusan organisasi dan pembangunan fizikal untuk kelestarian Jabatan; dan
- vii. Memperkukuhkan sistem pengurusan halal.

Perancangan strategik ini telah digarap secara terperinci dan menyeluruh dalam usaha menyampaikan perkhidmatan yang terbaik dan meninggikan syiar Islam di Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya.

1.2 PENGENALAN & LATAR BELAKANG JHEAIPP

Sejarah pentadbiran hal ehwal agama Islam telah bermula sebelum merdeka lagi apabila wujudnya Lembaga Penasihat Agama Islam yang bertugas sebagai penasihat dan bertanggungjawab mengenai hal ehwal agama Islam Negeri Pulau Pinang.

- 1955** Satu jawatankuasa telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menubuhkan Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai.
- 1959** Majlis Agama Islam ini telah ditubuhkan pada 15 April 1959 setelah Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang meluluskan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959.
- 1982** Perjawatan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang terus berkembang dengan mempunyai seramai 101 warga kerja pada tahun tersebut.
- 1993** Melihat kepada situasi dan perkembangan semasa yang kian mencabar, fungsi dan objektif JHEAIPP yang bertanggungjawab menguruskan pentadbiran Islam di Negeri Pulau Pinang diberi nafas baru dengan beberapa pembaharuan dilaksanakan. Pada 25 April 1993, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan dikuatkuasakan pada 1 Jun 1994.





1997 Apabila Enakmen ini diluluskan MAINPP / JHEAIPP telah mengorak langkah dengan begitu drastik dengan penyusunan semula pentadbiran Islam dalam beberapa aspek seperti pengasingan kuasa, objektif dan matlamat organisasi, penambahan kakitangan dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, empat [4] badan atau institusi utama diberi tanggungjawab dalam aspek-aspek khusus untuk melaksanakan pembaharuan ini, iaitu:

1. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP);
2. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP);
3. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP); dan
4. Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang (JMNPP).

2019 Pengasingan Jabatan Pendakwaan Syariah Pulau Pinang daripada JHEAIPP.

2021 JHEAIPP kini semakin gah dengan bilangan perjawatan sebanyak **293** iaitu satu [1] jawatan Pengurusan Tertinggi, 37 jawatan Pengurusan dan Profesional serta 255 kakitangan sokongan.

TUJUAN PENUBUHAN JHEAIPP


JHEAIPP telah ditubuhkan dengan tujuan berikut:

1. Mentadbir dan memastikan hal-hal yang bersangkutan dengan agama Islam bagi Negeri Pulau Pinang menurut Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam Tahun 1959. Hal ini sejajar dengan usaha Kerajaan Negeri yang perlu menitikberatkan hal ehwal agama Islam seperti yang termaktub dalam Bahagian 1 Perkara 3 Perlembagaan Malaysia. JHEAIPP ditugaskan untuk meninggikan dan mengembangkan syiar Islam khususnya supaya kedudukan agama Islam sebagai Agama Rasmi Negara terjamin dan terpelihara.
2. Memberi khidmat nasihat kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi menasihati Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan agama Islam.

Pada awal penubuhan, JHEAIPP mempunyai enam [6] bahagian iaitu Pentadbiran, Mahkamah Syariah, Penerangan, Pelajaran dan Pendidikan, Masjid Negeri serta Bahagian Mufti dengan warga kerja seramai 20 orang yang diketuai oleh Yang Di-Pertua. Yang Di-Pertua Hal Ehwal Agama Islam adalah merupakan *ex-Officio* Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai. Jabatan Mufti merupakan salah satu bahagian di bawah JHEAIPP yang berperanan memberikan nasihat dan fatwa dari segi hukum syarak.



1.3 STRUKTUR ORGANISASI JHEAIPP




1.4 PETA LOKASI JABATAN

PEJABAT AGAMA

- JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**
Lebuh Pantai, 10300 Pulau Pinang
Tel: 04 263 7200 / Faks: 04 250 2810
- PEJABAT AGAMA DAERAH TIMUR LAUT**
Aras 34 KOMTAR, 10000 Pulau Pinang.
Tel: 04 261 2979 / Faks: 04 261 3250
- PEJABAT AGAMA DAERAH BARAT DAYA**
11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.
Tel: 04 866 8525 / Faks: 04 866 8989
- PEJABAT AGAMA DAERAH KEPALA BATAS**
13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
Tel: 04 575 1182 / Faks: 04 575 1084
- PEJABAT AGAMA DAERAH BUTTERWORTH**
Kompleks Darul Hidayah (Rumah Transit Saudara Kita), Permatang Tok Gelam, 13100, Penaga, Seberang Perai Utara
Tel: 04-3511521 / Faks: 04-3511485
- PEJABAT AGAMA DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: 04-538 6451 / Faks: 04-538 6548
- PEJABAT AGAMA DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN**
Jawi, Nibong Tebal, Pulau Pinang.
Tel: 04 582 1001 / Faks: 04 582 5564

MASJID DAERAH

- MASJID DAERAH TIMUR LAUT**
Jalan Batu Ferringghi, 11100 Pulau Pinang
Tel: 04 8990838
- MASJID NEGERI PULAU PINANG**
Jalan Air Hitam, Pulau Pinang.
Tel: 04 828 2212 / Faks: 04 827 9908
- MASJID DAERAH BARAT DAYA**
Jalan Genting, 11000 Balik Pulau, Pulau Pinang.
Tel: 04 869 1420 / Faks: 04 869 1422
- MASJID DAERAH SEBERANG PERAI UTARA**
(Teluk Air Tawar), 13050 Butterworth, Pulau Pinang.
Tel: 04 351 9621 / Faks: 04 351 9622
- MASJID ABDULLAH FAHIM, BERTAM**
Tel : 04-577 3780 / 013-469 0013
Faks: 04-577 3771
- MASJID DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH**
Jalan Perda Utama, Bandar Perda 14000, Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
Tel: 04 - 540 1121 / Faks: 04 - 540 1121
- MASJID DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN**
14200 Jawi, SPS
Tel: 04 583 1340 / Faks: 04 583 1341





1.5 FUNGSI JHEAIPP

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat negeri yang mempunyai tujuh [7] bahagian, enam [6] Pejabat Agama Daerah, Masjid Negeri, Masjid Abdullah Fahim dan lima [5] Masjid Daerah di mana fungsi dan peranan adalah seperti berikut:

FUNGSI 1: BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN

- ◆ Menguruskan hal-hal pentadbiran am dan perkhidmatan kakitangan Jabatan.
- ◆ Menguruskan belanjawan dan kewangan Jabatan.
- ◆ Menguruskan hal-hal sumber manusia.
- ◆ Menguruskan hal-hal berkaitan ICT.
- ◆ Menyelaras dan melaksanakan projek pembangunan kecil (keagamaan).
- ◆ Menyelaras program / kursus anjuran Jabatan.
- ◆ Mengurus setia jawatankuasa-jawatankuasa tertentu di peringkat Jabatan.

FUNGSI 2: BAHAGIAN PENDIDIKAN

- ◆ Mentadbir urus pendaftaran kokurikulum Institusi Pendidikan Islam.
- ◆ Mengurus setia perkhidmatan keguruan di bawah kawalan Jabatan.
- ◆ Menjalankan aktiviti kokurikulum sekolah-sekolah Islam.
- ◆ Melaksanakan peperiksaan MAINPP.
- ◆ Menguruskan biasiswa kecil pelajar sekolah Islam.
- ◆ Menjaga kebajikan mahasiswa dan menasihati program persatuan anak negeri di luar negara.
- ◆ Menguruskan gaji dan elaun guru serta kakitangan Institusi Pendidikan terpilih.
- ◆ Menganjurkan kursus-kursus kepada guru dan pelajar.
- ◆ Mengurus kemasukan pelajar ke universiti yang berkaitan.
- ◆ Mengurus, mengawal dan merekod visa kepada guru dan pelajar luar negara.
- ◆ Membina modul bagi pelaksanaan di Institusi Pendidikan.
- ◆ Merancang serta melaksanakan program peringkat akademik.
- ◆ Mengurus, mengagih dan memantau peruntukan Kerajaan Pusat dan Negeri.
- ◆ Membuat kerjasama dengan mana-mana syarikat dan badan NGO dalam menyalurkan bantuan ke sekolah-sekolah Islam.
- ◆ Mentadbir Pusat Kegiatan Guru di bawah MAINPP.
- ◆ Mengendalikan kerjasama antara agensi yang berkaitan Institusi Pendidikan.
- ◆ Menguruskan program rasmi keagamaan kerajaan dan Bahagian Pendidikan.
- ◆ Mengurus dan memantau hal ehwal pengurusan tahfiz yang berdaftar di bawah JHEAIPP.
- ◆ Memantau projek pembangunan Institut Pendidikan Islam Pulau Pinang.



FUNGSI 3: BAHAGIAN DAKWAH

- ◆ Menguruskan program-program rasmi agama negeri.
- ◆ Menguruskan penceramah bertauliah dan menyusun kuliah agama di jabatan / agensi / institut yang memohon.
- ◆ Menguruskan permohonan tauliah mengajar agama dan kebenaran menganjurkan ceramah.
- ◆ Menguruskan program-program dakwah kepada kumpulan sasaran tertentu.
- ◆ Menguruskan penerbitan teks khutbah dan bahan-bahan berunsur dakwah secara fizikal atau digital.
- ◆ Menguruskan pengislaman, pendaftaran dan pendidikan saudara baru.
- ◆ Mentadbir urus Kompleks Darul Hidayah dan hal ehwal kebajikan saudara baru.
- ◆ Mengurus setiakan jawatankuasa-jawatankuasa di bawah MAINPP.

FUNGSI 4: BAHAGIAN PENGURUSAN HALAL

- ◆ Menerima dan memproses permohonan Pensijilan Halal Malaysia.
- ◆ Menjalankan pemeriksaan penilaian ke atas premis permohonan Pensijilan Halal Malaysia.
- ◆ Menjalankan pemantauan ke atas pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia.
- ◆ Mengeluarkan sijil tauliah penyembelihan.
- ◆ Memantau proses sertu ke atas premis / peralatan yang tercemar dengan najis mughallazah.
- ◆ Menjalankan pemeriksaan penguatkuasaan aduan halal.
- ◆ Melaksanakan program promosi kesedaran halal dan Pensijilan Halal Malaysia.

FUNGSI 5: BAHAGIAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

- ◆ Menyelaras pentadbiran pengurusan perkahwinan, penceraian dan rujuk Negeri Pulau Pinang.
- ◆ Menyelenggara dan menyimpan rekod perkahwinan, penceraian dan rujuk umat Islam Pulau Pinang.
- ◆ Mengurus pelantikan dan menyelaras pelaksanaan tugas-tugas Pendaftar dan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Negeri Pulau Pinang.
- ◆ Menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat kekeluargaan kepada masyarakat.
- ◆ Menguruskan pelaksanaan kursus pra perkahwinan.
- ◆ Menguruskan program kekeluargaan seperti seminar, kursus, bengkel, taklimat undang-undang dan lain-lain.

FUNGSI 6: BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

- ◆ Menguruskan aduan berkaitan dengan Undang-Undang Syariah yang berkuatkuasa di Negeri Pulau Pinang.
- ◆ Merancang dan melaksanakan operasi penguatkuasaan yang berkaitan dengan Undang-Undang Syariah di Negeri Pulau Pinang.
- ◆ Menyempurnakan pelaksanaan waran tangkap dan penyampaian saman terhadap Orang Kena Tuduh (OKT).
- ◆ Menjalankan siasatan terhadap kes yang berkaitan dengan Undang-Undang Syariah yang berkuatkuasa di Negeri Pulau Pinang.
- ◆ Menjalankan kajian, risikan dan penguatkuasaan terhadap kes-kes penyelewengan akidah dan ajaran sesat.
- ◆ Memantau laman web media sosial dan bahan bercetak yang berkaitan dengan penyelewengan akidah dan ajaran sesat.
- ◆ Melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi yang berkaitan.
- ◆ Mengadakan program pencegahan jenayah syariah.



FUNGSI 7: BAHAGIAN PENGURUSAN MASJID DAN SURAU

- ◆ Menguruskan pelantikan Jawatankuasa Kariah Negeri Pulau Pinang.
- ◆ Menguruskan pelantikan Pegawai Masjid dan Siak Negeri Pulau Pinang.
- ◆ Menyelia dan mengawal hal ehwal pentadbiran / operasi serta program pengimarahannya masjid dan surau.
- ◆ Menguruskan program dan latihan kepada Jawatankuasa Kariah, Pegawai Masjid, Siak dan Guru Takmir.
- ◆ Menguruskan pelantikan Guru Takmir dan kelas pengajian takmir di masjid dan surau.
- ◆ Menyelaras dan memantau hal ehwal pentadbiran dan pengimarahannya Masjid Negeri dan Masjid Daerah.

FUNGSI 8: PEJABAT AGAMA DAERAH

- ◆ Mengurus permohonan dan pendaftaran nikah, cerai dan rujuk.
- ◆ Mengurus pelantikan imam, bilal, jawatankuasa kariah dan guru takmir serta memantau pengurusan masjid dan surau.
- ◆ Melaksanakan program dan aktiviti pengurusan dakwah peringkat daerah.
- ◆ Menyelia dan memantau Institusi-Institusi Pendidikan di bawah penyeliaan JHEAIPP.
- ◆ Membantu dan mengurus pentadbiran hal ehwal agama Islam di peringkat daerah.

FUNGSI 9: MASJID NEGERI / MASJID ABDULLAH FAHIM / MASJID DAERAH


- ◆ Mengurus, menyelaras dan memantau hal ehwal pentadbiran dan pengimarahannya masjid.

1.6 PUNCA KUASA (HAL EHWAL ISLAM)

- 1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- 2 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- 3 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004
- 4 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004
- 5 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004
- 6 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996
- 7 Enakmen Pengawasan Sekolah-sekolah Agama Islam (Pulau Pinang) 1989



1.7 PUNCA KUASA PENTADBIRAN



1.8 PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN

01 PEMEGANG TARUH

1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (MMK) / Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)
2. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)
3. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) / Pengurusan Atasan
4. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

02 PELANGGAN

1. Jabatan dan Agensi Kerajaan
2. Kontraktor / Pembekal / Vendor
3. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)
4. Orang Awam



BAB 2

HALA TUJU STRATEGIK

Rasulullah SAW bersabda:

“Mukmin (orang yang beriman) yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah. Pada diri masing-masing memang terdapat kebaikan. Capailah dengan sungguh-sungguh apa yang berguna bagimu, mohonlah pertolongan kepada Allah dan janganlah kamu menjadi orang yang lemah.”

(Hadis Riwayat Imam Muslim)



2.1 VISI, MISI DAN OBJEKTIF

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat negeri yang mempunyai tujuh [7] bahagian, enam [6] Pejabat Agama Daerah, Masjid Negeri, Masjid Abdullah Fahim dan lima [5] Masjid Daerah di mana fungsi dan peranan adalah seperti berikut:



- i. Memastikan ajaran Islam tersebar luas kepada masyarakat.
- ii. Membentuk kepimpinan yang berwibawa dan melahirkan tenaga pengurusan yang terlatih, berketerampilan, dedikasi dan berhikmah.
- iii. Menghasilkan sistem pengurusan yang berteraskan nilai dan etika Islam.

01



Membina khaira ummah yang berilmu dan bertaqwa melalui pengurusan yang berkualiti berlandaskan syariat Islam.

02



Menjadi institusi pengurusan hal ehwal Islam bertaraf antarabangsa demi kesejahteraan ummah yang seimbang.

03

2.2 MOTO

"KECEMERLANGAN MELALUI ISLAM"

Untuk mencapai visi dan misi di atas, setiap warga JHEAIPP perlu melakukan tugas dengan cemerlang tanpa mengira masa dan tempat. Mereka perlu menjadi contoh terbaik kepada orang lain dalam segala tindakan.



2.3 NILAI BERSAMA

JHEAIPP telah mewujudkan dua [2] nilai bersama yang menjadi tonggak kepada pelaksanaan Pelan Strategik iaitu:

2.3.1 MUSYAWARAH

Setiap kakitangan JHEAIPP membuat keputusan secara kolektif melalui mesyuarat dan penglibatan anggota serta bersedia menerima pandangan dalam memastikan setiap keputusan adalah tepat dan mematuhi Hukum Syara'. Sebarang tugas akan dilaksanakan secara berkumpulan dalam usaha bersama menjana fikiran dan tenaga bagi melicinkan, memantapkan serta mencapai misi dan visi Jabatan. Ia merujuk kepada dalil al-Quran di dalam surah asy-Syura, ayat 38 yang bermaksud:

"Dan juga bagi orang yang menyahut perintah Tuhan mereka serta mendirikan solat (dengan sempurna) dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka. Mereka juga menafkahkan sebahagian daripada apa yang kami beri kepada mereka."

2.3.2 ITQAN

Setiap warga JHEAIPP sentiasa bekerja dengan bersungguh-sungguh dan tekun. Dalam erti kata yang lain, tidak bekerja secara sambil lewa atau bertanggung dalam menyiapkan tugas. Pembudayaan nilai *itqan* dalam pekerjaan akan menghasilkan semangat bekerja yang lebih bersungguh-sungguh dan meningkatkan mutu serta kualiti kerja yang cemerlang.



Nilai Itqan ini sangat dituntut oleh agama sebagaimana hadis Rasulullah SAW diriwayatkan oleh al-Baihaqi yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyukai salah seorang daripada kamu apabila melakukan sesuatu kerja, dia bersungguh-sungguh"

Ia juga didokong oleh tujuh [7] prinsip pegangan J.H.E.A.I.P.P.



BAB 3

SENARIO PERSEKITARAN

"Mukmin dengan mukmin yang lain umpama sebuah bangunan, sebahagian mengukuhkan sebahagian yang lain."

(Hadis Riwayat Imam Muslim)



3. ISU DAN CABARAN

3.1 KOMITMEN PENGHAYATAN NILAI AGAMA YANG RENDAH

Komitmen penghayatan nilai-nilai kehidupan beragama masih berada pada tahap yang rendah. Keadaan ini diburukkan lagi dengan kewujudan kepelbagaian fikrah dan ideologi yang mencetuskan kekeliruan, kekeliruan dan perpecahan. Modal insan *muttaqin* sudah pasti tidak dapat diperkasakan. Malah umat Islam ternyata lemah, kehilangan *'izzah* dan wibawa. Faktor ini secara langsung memberi kesan kepada kesejahteraan ummah melalui kebejatan sosial dan keruntuhan institusi keluarga serta masyarakat seluruhnya. JHEAIPP sudah pasti tidak mampu memikul beban ini sendirian bahkan ia memerlukan komitmen menyeluruh daripada semua pihak bagi mendepani cabaran ini.

3.2 PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG

Penguatkuasaan undang-undang syariah sering dicabar oleh masyarakat terutamanya dalam kalangan 'netizen'. Selain itu penguatkuasaan perlu diperkemas bagi membanteras pelanggaran undang-undang syariah daripada terus berleluasa. Pendekatan secara holistik perlu dirancarkan melalui pelbagai platform sama ada secara maya atau fizikal agar masyarakat celik ilmu perundangan syariah.

3.3 EKSPEKTASI PERKHIDMATAN YANG EFISIEN

Penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan seiring dengan perubahan persekitaran dan kemajuan teknologi hendaklah diberi penekanan. Ini bagi memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dapat dilaksanakan dengan efisien, mengikut arus perdana dan memenuhi ekspektasi tinggi yang diberikan oleh pelanggan. Oleh itu, sistem tadbir urus, pengurusan sumber, perundangan, peraturan dan polisi yang tidak kompetitif untuk bergerak seiring dengan kemajuan ICT semasa perlu dinilai, dikemaskini dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi mengurangkan kerenah birokrasi. Seterusnya ia mampu memacu kepada kecemerlangan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

3.4 CABARAN GLOBALISASI DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Globalisasi dan ledakan teknologi maklumat adalah antara cabaran yang perlu dihadapi umat Islam di abad ke-21 ini. Segala informasi dapat diakses dengan mudah hanya di hujung jari. Dunia tanpa sempadan ini mengundang pelbagai sisi pro dan kontra. Imej sesebuah institusi dapat meningkat sekelip mata. Platform media sosial juga mampu mencalar reputasi sesebuah organisasi dengan pantas. Institusi agama sering menjadi tumpuan utama. Kepakaran khusus dalam bidang ini menjadikan tadbir urus hal ehwal Islam perlu bergerak seiring dengan kepantasan teknologi semasa tanpa membelakangi syarak.

BAB 4 STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

Pesan Saidina 'Umar:

"Sesungguhnya orang yang kuat bekerja itu adalah mereka yang tidak menanggungkan kerja hari ini kepada hari esok. Mereka yang melakukan demikian akan dibebani dengan timbunan kerja sehingga ia sendiri tidak tahu yang mana satu yang harus diutamakan."



TERAS 1: DAKWAH

TERAS 1: DAKWAH

STRATEGI 1: MEMPERKASA PENGURUSAN DAKWAH YANG HOLISTIK DAN PROGRESIF

Inisiatif Strategik	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa	Sasaran	Pelaksana	Outcome
1. Melahirkan Tokoh pendakwah yang versatile dan inovatif	1.1 Penubuhan Akademi Pendakwah Negeri Pulau Pinang	1.1.1 Mengadakan Bengkel Penyediaan Modul Pendakwah Profesional	Bilangan Bengkel	2022 - 2023	3 siri (1 Modul Pendakwah Profesional)	Bahagian Dakwah	Mewujudkan aktiviti dakwah yang lebih menarik dan lebih dekat di hati masyarakat
		1.1.2 Mewujudkan Akademi Pendakwah	Bilangan Latihan	2024 - 2025	Setiap 2 minggu	Bahagian Dakwah	
		1.1.3 Melahirkan Pemegang Sijil Pendakwah Profesional	Bilangan Pemegang Sijil	2024 - 2025	10 orang	Bahagian Dakwah	
	1.2 Penganjuran Training of Trainers	1.2.1 Melaksanakan latihan kompetensi kepada Fasilitator / Kaunselor Pemurnian Akidah dan Istitabah	Bilangan Latihan	2021 - 2025	10 kali (2 kali setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Melahirkan Fasilitator / Kaunselor Pemurnian Akidah dan Istitabah yang mempunyai kemahiran psikologi dan sosial
		1.2.2 Retreat Sukarelawan Dakwah Saudara Kita: Skwad Santuni Saudara Kita	Bilangan Program	2021 - 2025	10 kali (2 kali setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Melahirkan Sukarelawan Dakwah yang mesra Saudara Kita
		1.2.3 Leadership Retreat Saudara Kita	Bilangan Program	2021 - 2025	5 kali (1 kali setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Melahirkan rakan pembimbing dalam kalangan Saudara Kita
		1.2.4 Pengurusan Jenazah Covid 19 / berisiko	Bilangan pengurusan jenazah	2021 - 2025	Sepanjang tahun	Bahagian Dakwah	Pengurusan jenazah Covid 19 / berisiko lebih sistematik

STRATEGI 1: MEMPERKASA PENGURUSAN DAKWAH YANG HOLISTIK DAN PROGRESIF

Inisiatif Strategik	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa	Sasaran	Pelaksana	Outcome
2. Mengoptimumkan penggunaan media baharu sebagai medium dakwah digital	2.1 Perkongsian ilmu melalui media elektronik	2.1.1 Mengadakan Ceramah / Tazkirah / Webinar melalui FB Live	Bilangan bahan untuk tayangan	2021- 2025	120 bahan (24 bahan setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Menghasilkan content dakwah yang relevan mengikut perkembangan teknologi semasa
		2.1.2 Menghasilkan Kapsul Santai Dakwah untuk tayangan melalui media elektronik, sosial dan papan iklan digital	Bilangan Kapsul Santai Dakwah	2021- 2025	60 bahan (12 bahan setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Penyampaian dakwah melalui media digital yang pelbagai memberi ruang yang lebih luas terhadap penyebaran maklumat
		2.1.3 Penerbitan bahan-bahan dakwah secara fizikal dan maya	Bilangan bahan	2021- 2025	30 bahan (6 bahan setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Menghasilkan bahan rujukan dakwah
		2.1.4 Menghasilkan e-Poster	Bilangan e-Poster	2021- 2025	60 bahan (12 bahan setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Menyampaikan dakwah dalam bentuk infografik yang santai



TERAS 1: DAKWAH

STRATEGI 2: MEMPERKASA PENGURUSAN DAKWAH YANG HOLISTIK DAN PROGRESIF

Inisiatif Strategik	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa	Sasaran	Pelaksana	Outcome
1. Memastikan syiar Islam terus berkembang	1.1 Penganjuran Majlis Rasmi Peringkat Negeri Pulau Pinang	1.1.1 Menganjurkan Majlis Tilawah dan Hafazan Al- Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang	Bilangan Majlis	2021-2025	5 kali (1 kali setiap Tahun)	Bahagian Dakwah	Kesedaran masyarakat terhadap ilmu kemahiran Al-Quran meningkat
	1.2 Penganjuran Program Sempena Hari Kebesaran Islam Peringkat Negeri Pulau Pinang	1.1.2 Menganjurkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Pulau Pinang	Bilangan Majlis	2021-2025	5 kali (1 kali setiap Tahun)	Bahagian Dakwah	Menambah kecintaan dan rasa kasih kepada Rasulullah SAW
		1.1.3 Menganjurkan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negeri Pulau Pinang	Bilangan Majlis	2021-2025	5 kali (1 kali setiap Tahun)	Bahagian Dakwah	Meningkatkan penghayatan terhadap ayat-ayat Al-Quran
		1.2.1 Menganjurkan Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang	Bilangan Majlis	2021-2025	5 kali (1 kali setiap Tahun)	Bahagian Dakwah	Menyemarakkan penghayatan dan semangat hijrah dalam meneladani sirah dan sunnah Rasulullah SAW
	1.3 Penganjuran Akademi Tahsin Qiraatul Al- Quran	1.3.1 Meningkatkan kualiti bacaan dan persembahan qari dan qariah Negeri Pulau Pinang	Bilangan Kelas	2021-2025	120 kali (24 kali setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Melahirkan tokoh qari dan qariah yang dapat menjadi ikon masyarakat

TERAS 1: DAKWAH

STRATEGI 3: MEMANTAPKAN KEFAHAMAN DAN PENGHAYATAN ISLAM KEARAH MELAHIRKAN KHAIRA UMMAH

Inisiatif Strategik	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa	Sasaran	Pelaksana	Outcome
1. Menyebarluaskan agenda dakwah kepada pelbagai golongan masyarakat	1.1 Penganjuran Program Khaira Ummah	1.1.1 Ceramah / Kursus / Seminar	Bilangan Majlis	2021 - 2025	10 kali (2 kali setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Melahirkan masyarakat yang terbaik.
	1.2 Mewujudkan kerjasama dengan Jabatan- Jabatan Kerajaan dan NGO	1.1.1 Ceramah / Kursus / Seminar	Bilangan Majlis	2021 - 2025	10 kali (2 kali setiap tahun)	Bahagian Dakwah	Melahirkan masyarakat yang terbaik.
	1.3 Penganjuran program- program dakwah peringkat daerah	1.2.1 Ceramah / Bengkel / Kursus / Seminar / Webinar / Perkhemahan	Bilangan Ceramah / Bengkel / Kursus / Seminar / Webinar / Perkhemahan	2021 - 2025	60 siri (12 siri setahun)	Bahagian Dakwah	Meningkatkan ilmu dan kesedaran pelbagai lapisan masyarakat
	2.1 Penganjuran Program Hospital Mesra Ibadah	2.1.1 Bengkel / Kursus / Seminar / Webinar	Bilangan Ceramah / Bengkel / Kursus / Seminar / Webinar	2021 - 2025	10 siri (2 siri setahun)	Bahagian Dakwah	Memantapkan penghayatan <i>spiritual</i> dalam kalangan pesakit dan kesedaran penghayatan agama dalam kalangan kakitangan
	2.2 Penerbitan bahan-bahan media secara digital dan fizikal berkaitan fardhu ain dan kifayah	2.1.2 Poster / Pamphlet / Buku Fizikal / e-Book	Bilangan Cetakan Poster / Pamphlet / Buku Fizikal / e-book	2021 - 2025	30 bahan (6 bahan setahun)	Bahagian Dakwah	Meningkatkan pemahaman terhadap aspek ibadah mencakupi pelbagai lapisan masyarakat
	2.3 Penganjuran Program Modal Insan	2.1.3 Bengkel / Perkhemahan	Bilangan Bengkel / Perkhemahan	2021 - 2025	10 siri (2 siri setahun)	Bahagian Dakwah	Meningkatkan pemahaman terhadap aspek ibadah mencakupi pelbagai lapisan masyarakat



TERAS 1: DAKWAH

STRATEGI 4: MENGUKUHKAN PENGURUSAN SAUDARA KITA SECARA EFISIEN DAN SISTEMATIK

Inisiatif Strategik	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa	Sasaran	Pelaksana	Outcome
1. Memantapkan sistem pengurusan pengislaman dan pendaftaran Saudara Kita	1.1 Pendigitalan rekod pengislaman dan pendaftaran Saudara Kita	1.1.1 Memaksimumkan Penggunaan Sistem e-Saudara JHEAIPP	Bilangan sistem	2021-2025	1 sistem	Bahagian Dakwah	Rekod pengislaman dapat diakses dengan lebih mudah dan cepat
		1.1.2 Melaksanakan Integrasi Sistem e-Saudara JHEAIPP dan e-Muallaf JAKIM	Bilangan sistem	2021-2025	1 sistem	Bahagian Dakwah	
2. Membimbing Saudara Kita ke arah akidah yang mampan berteraskan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah	2.1 Pengukuhan akidah, akhlak dan sahsiah Saudara Kita	2.1.1 Melaksanakan Bengkel Asas Fardhu Ain (BAFA)	Bilangan Bengkel	2021-2025	50 kali 10 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	Memenuhi keperluan Kaedah Cara Pendaftaran, Jagaan dan Pengajaran Orang Masuk Islam (Negeri Pulau Pinang) 1991
		2.1.2 Mengadakan Kursus Kefahaman Islam	Bilangan Kursus	2021-2025	10 kali 2 kali setiap setahun	Bahagian Dakwah	Memantapkan akidah serta kefahaman Islam dalam kalangan Saudara Kita
		2.1.3 Mengajukan Kem Motivasi Saudara Kita (Jejak Mutiara)	Bilangan Kem	2021-2025	5 siri 1 siri setiap tahun	Bahagian Dakwah	
		2.1.4 Mengadakan Program Tautan Kasih	Bilangan Program	2021-2025	5 kali 1 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	Saudara Kita lebih rasa 'selamat' dan mempunyai sokongan sosial yang kuat melalui penganjuran aktiviti secara "hands on"
		2.1.5 Mengajukan Sambutan Hari Keluarga Saudara Kita	Bilangan Program	2021-2025	5 kali 1 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	
		2.1.6 Mengadakan Kem Eksplorasi Remaja Saudara Kita	Bilangan Kem	2021-2025	5 siri 1 siri setiap tahun	Bahagian Dakwah	
		2.1.7 Mengajukan Karnival Sukan Bersama Saudara Kita	Bilangan Karnival	2021-2025	5 kali 1 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	Saudara Kita lebih rasa 'selamat' dan mempunyai sokongan sosial yang kuat melalui penganjuran aktiviti secara "hands on"
		2.1.8 Mengadakan Kursus Pra Perkahwinan Islam Saudara	Bilangan Kursus	2021-2025	5 kali 1 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	

TERAS 1: DAKWAH

STRATEGI 1: MEMPERKASA PENGURUSAN DAKWAH YANG HOLISTIK DAN PROGRESIF

Inisiatif Strategik	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa	Sasaran	Pelaksana	Outcome
2. Membimbing Saudara Kita ke arah akidah yang mampan berteraskan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah	2.2 Program bimbingan dan pemulihan akidah Saudara Kita	2.2.1 Mengajukan Program Ziarah Santuni Saudara Kita: Masih Ada Yang Sayang	Bilangan Program	2021-2025	60 kali 12 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	Keyakinan Saudara Kita terhadap pegangan Islam semakin kukuh
		2.2.2 Mengadakan program keluarga angkat Saudara Kita	Bilangan Program	2021-2025	60 kali 12 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	
		2.2.3 Mengadakan program konsultasi dan kaunseling Saudara Kita	Bilangan Program	2021-2025	200 sesi 40 sesi setiap tahun	Bahagian Dakwah	
3. Mengimplementasikan modul pengajian Saudara Kita secara optimum bagi melahirkan pendakwah dalam kalangan Saudara Kita	3.1 Kelas bimbingan agama dan kemahiran secara berperingkat dan berterusan	3.1.1 Mengadakan Kelas Pengajian Harian dan Mingguan Saudara Kita	Bilangan Kelas	2021-2025	1440 kali 288 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	Saudara Kita menguasai ilmu agama Islam
		3.1.2 Mengadakan bengkel semakan modul pengajian	Bilangan Bengkel	2021-2025	10 kali 2 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	Saudara Kita menguasai ilmu agama Islam
		3.1.3 Mengadakan kursus pedagogi / andragogi kepada tenaga pengajar Saudara Kita	Bilangan Kursus	2021-2025	10 kali 2 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	Melahirkan tenaga pengajar yang kompeten
		3.1.4 Mengadakan kelas latihan kemahiran Saudara Kita	Bilangan Kelas	2021-2025	30 kali 6 kali setiap tahun	Bahagian Dakwah	Menyediakan platform kepada Saudara Kita untuk menjana pendapatan demi kelangsungan hidup



TERAS 2: BAHAGIAN PENDIDIKAN

STRATEGI 1: MEMPERKUKUHKAN KURIKULUM TADIS, KAFA, SAR, SMAR, TAHFIZ DAN PONDOK

Inisiatif Strategik	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa	Sasaran	Pelaksana	Outcome
1. Menambah baik kandungan kurikulum selaras dengan keperluan Pendidikan Islam	1.1 Penyelarasan Kurikulum Pendidikan Islam bagi TADIS, KAFA, SAR, SMAR, Tahfiz dan Pondok	1.1.1 Pemetaan Kurikulum TADIS, KAFA, SAR, SMAR, Tahfiz dan Pondok	Bilangan kurikulum	2022 - 2023	6 Kurikulum (6 Kurikulum dalam tempoh 2 tahun)	Bahagian Pendidikan Dan Pejabat Agama Daerah	Memantapkan Kurikulum TADIS, KAFA, SAR, SMAR, Tahfiz dan Pondok Bagi meningkatkan kecemerlangan Institusi Pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang
	1.2 Pembangunan bahan Kurikulum	1.2.1 Penyediaan bahan Kurikulum	Bilangan Institut	2022 - 2024	6 Institusi (2 Institusi setiap tahun)	Bahagian Pendidikan Dan Pejabat Agama Daerah	Memantapkan Kurikulum TADIS, KAFA, SAR, SMAR, Tahfiz dan Pondok Bagi meningkatkan kecemerlangan Institusi Pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang
	1.3 Peningkatan kompetensi kurikulum melalui pendekatan teknologi dan ICT	1.3.1 Menyediakan alat bantu ICT untuk Kegunaan guru dan juga murid.	Bilangan sekolah yang mengaplikasikan teknologi ICT dalam kurikulum sekolah	2021 - 2025	60 buah sekolah (12 sekolah setiap tahun) (2 buah sekolah bagi setiap kategori Institusi setiap Tahun)	Bahagian Pendidikan Dan Pejabat Agama Daerah	Memantapkan lagi Kurikulum Institusi-Institusi Pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang seiring dengan kemajuan teknologi ICT masakini

TERAS 2: BAHAGIAN PENDIDIKAN

STRATEGI 2: MEMPERKASAKAN PENGURUSAN PEPERIKSAAN DAN PENTAKSIRAN

Inisiatif Strategik	Program	Aktiviti	KPI	Tempoh Masa	Sasaran	Pelaksana	Outcome	
1. Mewujudkan Instrumen pentaksiran yang berkualiti dalam mengukur kemenjadian murid	1.1 Penambahbaikan kaedah pelaksanaan pentaksiran TADIS, KAFA, SAR, SMAR, Tahfiz dan Pondok	1.1.1 Mewujudkan kertas cadangan peningkatan kompetensi pentaksiran guru	Bilangan kertas cadangan	2022 - 2023	1 kertas cadangan	Bahagian Pendidikan	Sistem Pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang akan mempunyai Instrumen pentaksiran yang berkualiti sekaligus akan melahirkan guru yang berprestasi tinggi dan kompeten	
		1.1.2 Mewujudkan jawatankuasa pentaksiran peringkat Jabatan	Bilangan Jawatankuasa	2021 - 2023	1 jawatan kuasa	Bahagian Pendidikan		
	1.2 Mewujudkan sekumpulan penggubal pentaksiran yang kompeten	1.2.1 Melahirkan penggubal yang berkemampuan tinggi dalam penilaian dan pentaksiran akademik.	1.2.1 Melahirkan penggubal yang berkemampuan tinggi dalam penilaian dan pentaksiran akademik.	Bilangan Penggubal	2023 - 2024	60 orang (10 orang bagi setiap kategori sekolah)	Bahagian Pendidikan Dan Pejabat Agama Daerah	Sistem Pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang akan mempunyai Instrumen pentaksiran yang berkualiti serta, akan melahirkan pelajar-pelajar yang cemerlang dari sudut saksiah dan akademik
